

Sinar Harian 18/7/2018 m/s 28

Maritim kemuka bantahan

Perbincangan secara diplomatik dengan Vietnam untuk tangani isu ceroboh perairan

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa

Vietnam, bagi menangani isu pencerobohan bot nelayan negara tersebut di perairan negara.

Ketua Pengarah Maritim, Laksamana Maritim Datuk Sri Zulkifili Abu Bakar berkata, pihaknya juga ada mengemukakan bantahan secara diplomatik dalam usaha menangani isu pencerobohan perairan negara ini yang mencatatkan peningkatan setiap tahun terutama bot nelayan dari Vietnam.

Beliau berkata, ini terbukti apabila sejak Januari hingga 15 Julai lalu, sebanyak 64 bot nelayan asing ditahan di perairan pantai timur di mana 56 bot tersebut merupakan

bot nelayan Vietnam.

"Didapati bot-bot nelayan Vietnam masih berdegil melakukan pencerobohan ke perairan negara meskipun pernah diberi kad kuning oleh Kesatuan Eropah.

"Mereka sewajarnya tidak layak keluar daripada kad kuning dalam tempoh terdekat ini, malah sepatutnya terus diberi kad merah kerana kedegilan itu," katanya pada sidang media di Pejabat Maritim Terengganu, di Pulau Kambing, di sini, semalam.

Zulkifili berkata, kes terbaru, dua bot nelayan Vietnam ditahan di dua lokasi berbeza di muara Kuala Terengganu, semalam.



Zulkifili (dua, kiri) menunjukkan sebahagian jenis sotong kering, antara yang berjaya dirampas pada sidang media di Jeti Maritim Terengganu di Pulau Kambing.